UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

# UiTM@Media 2016

# Siswa Cemerlang

UiTM@Media 2016

# 'BAGI KAMI, IA RAHMAT'

Ribuan penduduk dapatkan pakaian terpakai, makanan di Pasar Percuma UiTM Kedah

Sekurang-kurangnya ringan sedikit beban saya dan suami kerana pakaian itu masih baru dan boleh diguna lama. Saya dapat berjimat sedikit wang perbelanjaan apatah dalam keadaan kos sara hidup makin meningkat



KANAK-kanak memilih peralatan sekolah yang



## AZBAZILAH

Sementara itu, Farah Merican berkata, program pasar percuma itu menyasarkan golongan kurang bernasib baik dengan kebanyakan pakaian dan barangan disumbangkan kakitangan dan pelajar UiTM Kedah.

"Kami juga menerima sumbangan daripada orang perseorangan dan beberapa syarikat yang tertarik dengan pendekatan program ini," katanya. - **Omar Osman**

BERSAMBUNG DI SEBELAH

RENCANA

Ia menyasarkan golongan kurang berkemampuan menerusi pemberian percuma pelbagai barangan makanan serta pakaian baru dan terpakai selain peralatan menulis.

Penduduk, Azbazilah Abd Aziz, 29, berkata, dia bersama tiga anaknya menunggu sejak awal di hadapan dewan itu bagi mendapatkan pelbagai barangan dapur, makanan dan pakaian yang diberi percuma.

Menurutnya, biarpun terpaksa berebut, dia bersyukur kerana mendapat pelbagai barangan dapur dan mengambil sejumlah pakaian untuk keluarga kerana kebanyakannya masih baru dan elok.

"Sekurang-kurangnya ringan sedikit beban saya dan suami kerana pakaian itu masih baru dan boleh diguna lama. Saya dapat berjimat sedikit wang perbelanjaan apatah dalam keadaan kos sara hidup makin meningkat.

"Syukur dan terima kasih UiTM. Biarpun terpakai, pakaian itu masih sesuai dipakai saya dan anak-anak," katanya.

Ibu tunggal, Hamidah Hamid, 45, dari Kampung Jilid, Merbok, berkata biarpun terpakai, banyak pakaian terutama baju kurung dan tudung masih elok dan seolah-olah tidak pernah digunakan.

"Bagi kami yang kurang berkemampuan, pemberian pelbagai barangan serta pakaian percuma ini satu rahmat, lagipun ada antara pakaian itu mahal. Pemberian ini sedikit sebanyak dapat menjimatkan perbelanjaan keluarga.

"Saya harap ia dapat diadakan lagi pada masa depan kerana memberi banyak manfaat kepada orang seperti saya yang memerlukan," katanya.

UiTM@Media 2016

## Penasihat

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

## Ketua Projek

Alfina Bakar

## Pengurus Produksi

Darus Kasim
Rosly Mahmud

## Penyelaras Bahan Akhbar

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminajah Salleh

## Pembantu Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

## Pereka Grafik Utama

Junaidy Talib

## Pereka Grafik

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

## Sumber Keratan Akhbar

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu, New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro, Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.